

AZEE-500 TABLETS

Azithromycin 500mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan AZEE
2. Bagaimana AZEE berfungsi
3. Sebelum mengamil AZEE
4. Cara menggunakan AZEE
5. Semasa menggunakan AZEE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AZEE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan AZEE

Azithromycin tergolong dalam kumpulan antibiotik *macrolide*. Ubat ini digunakan untuk merawat jangkitan bakteria.

AZEE boleh digunakan untuk merawat:

- Jangkitan pada bahagian bawah saluran pernafasan seperti *bronchitis* (inflamasi pada *bronchial tube*) dan pneumonia (paru-paru berair).
- Jangkitan pada bahagian atas saluran pernafasan seperti *sinusitis* (inflamasi pada tisu membran sinus) dan faringitis/ tonsillitis (sakit tekak/tonsil).
- Jangkitan telinga (*otitis*).
- Kulit and tisu lembut.
- Penyakit jangkitan seksual:
- Penyakit kelamin yang disebabkan oleh *Chlamydia Trachomatis* atau *Neisseria gonorrhoea*, *chancroid* yang disebabkan oleh *Haemophilus ducreyi*

Bagaimana AZEE berfungsi

AZEE berfungsi untuk menghalang sintesis protein dalam bakteria dengan mengikat pada ribosom sub unit 50s dan menyebabkan perencatan pada translokasi peptide.

Sebelum mengambil AZEE

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan AZEE jika anda alah terhadap *azithromycin*, antibiotik *macrolide* atau *ketolide* yang lain, atau apa-apa kandungan dalam AZEE.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan guna AZEE jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan guna AZEE jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami penyakit- penyakit atau keadaan seperti berikut:

- Masalah buah pinggang yang serius.
- Masalah hati yang teruk.
- Sedang mengambil derivatif *ergot* dan *azithromycin*.
- Masalah jantung atau keabnormalan elektrolit atau selang QT yang panjang.
- Cirit-birit semasa atau selepas rawatan.
- Alahan.
- Dengan antibiotic.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau telah mengambil ubat-ubat lain, termasuk ubat-ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Azithromycin mungkin boleh berinteraksi dengan ubat-ubat lain. Ini sangat penting dan sila memberitahu pihak berkenaan jika anda sedang atau telah mengambil ubat-ubat berikut:

- Ubat untuk merawat migrain seperti *Ergot*
- Ubat untuk menghentikan pembekuan darah seperti *Coumarin-type oral anticoagulants*
- Ubat untuk merawat kegagalan jantung seperti *Digoxin*
- Ubat untuk merendahkan tahap kolesterol seperti *Atorvastatin*
- Ubat tenang seperti *Midazolam*
- Ubat untuk merawat jangkitan kulat/bakteria seperti

Fluconazole, *Rifabutin* dan *Trimethoprim/sulfamethoxazole*

- Ubat untuk merawat penakut asma seperti *Theophylline*
- Ubat untuk pesakit pemindahan organ seperti *Cyclosporin*
- Ubat untuk merawat alergi seperti *Terfenadine*, *Cetirizine* dan *Methylprednisolone*
- Ubat untuk merawat HIV/AIDS seperti *Didanosine*, *Indinavir*, *Efavirenz*, *Zidovudine* dan *Nelfinavir*
- Ubat untuk merendahkan tekanan darah dalam paru-paru seperti *Sildenafil*
- Ubat untuk merawat sawan seperti *Carbamazepine*
- Ubat untuk merawat masalah penghadaman seperti *Antacids* dan *Cimetidine*
- Ubat untuk merawat masalah tidur seperti *Triazolam*

Cara menggunakan AZEE

-Berapa banyak harus digunakan

- Sentiasa ambil AZEE seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.
- Dos biasa ialah satu tablet (250mg atau 500mg) diambil sekali sehari. Dos maksimum disyorkan untuk rawatan ialah 1500mg. Ahli farmasi anda akan menerangkan cara menggunakannya jika anda tidak pasti.
- Tablet *Azithromycin* hanya boleh diberikan kepada kanak-kanak dengan berat badan melebihi 45kg.

-Bila perlu digunakan

Mengambil AZEE satu dos setiap hari. Tablet ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

-Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu berapa lama AZEE perlu diambil.

-Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Sila mengambil AZEE sebaik sahaja anda teringat.

AZEE-500 TABLETS

Azithromycin 500mg

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya yang teruk, muntah dan cirit-birit serta kehilangan pendengaran yang boleh dipulihkan.

Semasa menggunakan AZEE

-Perkara yang perlu dilakukan

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum menagambil ubat. Beritahu doktor anda jika anda hamil, akan hamil atau sedang menyusukan bayi.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menghentikan rawatan awal daripada tempoh yang sepatutnya untuk mengelakkan risiko pengembalian semula penyakit tersebut.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Tiada bukti membuktikan bahawa AZEE boleh menjejaskan keupayaan untuk memandu atau mengendalikan jentera. Walau bagaimanapun, kemungkinan untuk mendapat kesan sampingan perlu dipertimbangkan seperti pening and sawan semasa melakukan tugas di atas.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain AZEE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan yang sangat biasa termasuk cirit-birit, sakit perut, loya, dan kentut (angin).

Kesan sampingan yang biasa termasuk senak, rasa mengantuk,

pening, sakit kepala, sensasi kesemutan atau berduri, perubahan rasa, perubahan penglihatan, kehilangan pendengaran, muntah, kehilangan selera makan, ruam, gatal, sakit sendi, keletihan, dan pengurangan atau peningkatan sel darah tertentu.

Sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan, atau jika anda melihat kesan sampingan yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

- AZEE boleh menyebabkan alahan teruk dan tindakbalas kulit yang serius. Berhenti menggunakan AZEE dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

- Jika anda mendapati bahawa kanak-kanak muntah dan / atau mudah marah semasa makan, hubungi doktordengan segera kerana mungkin disebabkan *Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)*.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web: npra.gov.my (Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccine (AEFI))

Cara penyimpanan dan pelupusan AZEE

-Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30 ° C. Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubat tidak boleh dibuang melalui sistem pengairan atau kedalam tong sampah. Tanya doktor atau ahli farmasi anda cara melupuskan ubat-ubat yang tidak diperlukan. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet kapsul bersalut filem putih hingga putih berbentuk tablet biconvex polos di satu sisi dan garis pusat di bahagian lain.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Azithromycin

Bahan-bahan tidak aktif:

Dibasic Calcium Phosphate (Dihydrate), Croscarmellose Sodium (Ac-di-Sol), Maize Starch, Povidone (PVP K-90), Magnesium Stearate, Sodium Lauryl Stearate, Opadry White 04F58804 (HPMC 2910/Hypromellose 15 Cp, Titanium Dioxide, Macrogol/PEG 6000).

-MAL number

MAL11030117AZ

Pengilang

CIPLA LTD.

Plot No. S-103 to S-105, S-107 to S-112, L-138, L-147. L-147/1 to L-147/3 & L-147/A
Verna Industrial Estate, Verna Salcette, Goa India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Cipla Malaysia Sdn Bhd
Suite 1101, Amcorp Tower,
Amcorp Trade Centre,
18 Persiaran Barat, 46050
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

29/11/2022

Nombor Siri

NPRA (R2/1)220430/667